**Bersih 2.0: Penyokong Mula Bersurai Di Stadium Merdeka**
**mStar Online**
**Julai 9, 2011**



**Dawai berduri diletak di laluan masuk ke Stadium Merdeka berdekatan Jalan Maharajalela. - Foto THE STAR Oleh AZMAN GHANI**

**KUALA LUMPUR:** Penyokong-penyokong Bersih 2.0 yang berhimpun di luar Stadium Merdeka sejak pukul 2.30 petang mula bersurai dari kawasan bersejarah itu di sini.

Sementara itu, sekumpulan penyokong perhimpunan haram itu dipercayai mula berhimpun di sekitar Kuala Lumpur, menurut sumber polis.

Sementara itu, polis mula membuka halangan-halangan di sekitar stadium berkenaan walaupun masih ramai berada di kawasan tersebut.

Perhimpunan di luar Stadium Merdeka itu diketuai oleh Sasterawan Negara, Datuk A. Samad Saiddan Naib Presiden PAS, Datuk Husam Musa.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd (Co No 10894-D).
Source:
http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/7/9/mstar_berita/20110709164506&sec=mstar_berita